



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI
UNTUK PENJAWAT AWAM KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Lanjutan daripada lawatan ke Terengganu pada 21 Mac 2025 oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, **Kerajaan MADANI telah bersetuju untuk membiayai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) bagi penjawat awam Kerajaan Negeri Terengganu.**

BKKA sebanyak RM500 ini akan memanfaatkan lebih 14,000 penjawat awam Negeri Terengganu dan akan disalurkan sebelum Hari Raya Aidilfitri bagi menyerikan persiapan menyambut lebaran.

Kerajaan MADANI kekal komited dengan prinsip kesaksamaan dan pendekatan yang manusiawi agar kemakmuran negara dapat dirasakan secara bersama, sejajar dengan wawasan Menaikkan Lantai dalam kerangka Ekonomi MADANI.

Semoga sumbangan ini membawa sedikit kegembiraan kepada mereka yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

24 Mac 2025